

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2016

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah SOP kecemasan LRT menepati piawaian syarikat insuran dan nyatakan skim dan kadar pampasan bagi setiap kecederaan, kemalangan dan kematian melibatkan LRT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan LRT melalui anak syarikatnya, Rapid Rail Sdn Bhd. Dalam menyediakan

perkhidmatan LRT yang berkesan, Prasarana menawarkan perlindungan insurans yang menepati piawaian untuk semua penumpang yang menggunakan perkhidmatan rel iaitu perlindungan liabiliti. Ini adalah selaras dengan arahan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang mewajibkan operator perkhidmatan pengangkutan awam rel menyediakan perlindungan polisi liabiliti pihak ketiga (*third party liability*) yang melindungi pengguna daripada kecuaiian operator.

Perlindungan polisi *third party liability* Rapid KL yang ditawarkan adalah berjumlah RM200 juta bagi setiap kemalangan yang berlaku. Polisi ini meliputi kemalangan yang berlaku di dalam kawasan kendalian Rapid KL yang melibatkan kecederaan penumpang dan kerosakan harta benda. Kadar atau jumlah pampasan yang layak diterima bagi setiap kecederaan, kemalangan dan kematian akan ditentukan oleh pihak mahkamah.